




Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 3 (68)
Tarikh : 8 Mei 2020

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Dato' Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)


DATO' DR. CHONG CHEE KHEONG
(MPM 2647)
12/5
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Datuk,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 18/2020 (26 April hingga 2 Mei 2020) untuk persetujuan YBhg. Datuk.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menandatangani amanah,


(DR. NORHAYATI BT RUSLI)
Pengaruh Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 18/2020 dari 26 April hingga 2 Mei 2020)

Situasi kes Demam Denggi mula menunjukkan tren peningkatan bagi tempoh tiga (3) minggu berturut-turut bermula sejak pertengahan April yang lepas dengan peratus peningkatan kes antara 4.5% hingga 11.0%. Pada minggu ke-18, sejumlah 1,395 kes dan empat (4) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan berbanding 1,301 kes dan satu (1) kematian pada minggu sebelumnya iaitu peningkatan sebanyak 94 kes (7.2%) dan tiga (3) kematian. Walaubagaimanapun, kumulatif kes Demam Denggi dan kematian sehingga kini adalah lebih rendah berbanding tempoh yang sama tahun 2019 dengan sebanyak 40,397 kes dan 68 kematian dilaporkan berbanding 44,749 kes (penurunan 9.7%) dan 71 kematian (penurunan 4.2%) bagi tempoh sama tahun 2019. **(Lampiran A & C).**

Peningkatan jumlah kes mingguan Demam Denggi pada minggu ke-18 ini merupakan suatu amaran awal bahawa peningkatan kes akan terus berlaku jika tindakan pencegahan secara proaktif tidak dilakukan. Graf kes mingguan Demam pada minggu ini juga telah menyamai jumlah kes median untuk 5 tahun bagi 2015 hingga 2019 namun jumlah kes mingguan masih berada di bawah graf kes mingguan Demam Denggi tahun 2019 **(Lampiran B)**. Lokaliti hotspot yang dilaporkan tidak menunjukkan perubahan seperti minggu sebelumnya iaitu sebanyak 61 lokaliti hotspot. Dari jumlah tersebut, sebanyak 67.21% atau 41 lokaliti hotspot dari keseluruhan 61 lokaliti hotspot dilaporkan dari negeri Selangor, diikuti enam (6) lokaliti hotspot (9.83%) di Wilayah Persekutuan Kuala

Lumpur dan Putrajaya, enam (6) lokaliti hotspot di Perak (9.83%), lima (5) lokaliti hotspot di Negeri Sembilan (8.20%), dua (2) lokaliti hotspot di Melaka (3.29%) dan satu (1) lokaliti hotspot di negeri Johor (1.64%) (**Lampiran B & D**).

Jangkitan Chikungunya melaporkan sebanyak 10 kes pada minggu ke-18 dan majoriti (8 kes) adalah dari negeri Perak dengan tiga (3) lokaliti wabak Chikungunya dalam pemantauan. Manakala masing-masing satu (1) kes dilaporkan dari negeri Kelantan dan Selangor. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 440 (**Lampiran E**). Bagi surveilan Zika, sebanyak 633 sampel darah dan 9 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.

Menurut laporan ramalan cuaca oleh Jabatan Meteorologi Malaysia, Negara dijangka mengalami lebih banyak episod hujan dengan ribut petir terutamanya pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan kawasan pantai barat dan pendalaman Semenanjung, Barat Sabah dan Tengah Sarawak di sepanjang bulan Mei 2020. Keadaan ini berpotensi mengakibatkan banjir kilat dan menyebabkan air kekal bertakung di bekas-bekas yang terbiar di persekitaran. Oleh itu, walaupun telah memasuki fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sejak minggu lepas dengan kebanyakan pekerja telah kembali bekerja, masyarakat perlu terus memastikan persekitaran rumah serta tempat kerja bebas dari tempat-tempat pembiakan Aedes dengan melakukan aktiviti pembersihan persekitaran serta Cari dan Musnah tempat pembiakan Aedes.

Disamping itu, setiap pemilik premis dan agensi perlu melakukan larvaciding iaitu dengan membubuh bahan pembunuh jentik-jentik dengan segera dan secara berkala di semua lubang tandas, tangki pam tandas, tangki atau kolah air dan bekas-bekas yang menakung air bagi membunuh larva nyamuk yang mungkin telah membiak semenjak bangunan atau pejabat tidak digunakan. Bilik atau pejabat yang baru digunakan hendaklah disembur aerosol untuk membunuh nyamuk sebelum ianya digunakan. Mari kita jadikan sikap


menjaga kebersihan persekitaran sebagai norma baru mencegah Denggi. Tidak peduli, maut menanti. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia


15 Mei 2020




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke-17 dan ke-18 tahun 2020



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke-18 tahun 2020 dan tempoh sama tahun 2019



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2020, 2019 dan Median 2015-2019



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-18 tahun 2020

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 18/2020
(26 April hingga 2 Mei 2020)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 18/2020		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 18/2019	
		Minggu Epid 18 (26 April – 2 Mei 2020)		Minggu Epid 17 (19 April – 25 April 2020)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	1	0	0	0	19	0	161	0
2	Kedah	9	0	8	0	356	0	731	2
3	P. Pinang	6	0	6	0	328	1	2,441	8
4	Perak	70	0	76	0	1,351	1	1,214	2
5	Selangor	710	2	626	0	24,112	27	26,134	24
6	WP KL & Putrajaya	224	0	198	0	3,467	4	4,260	1
7	N. Sembilan	59	0	58	0	939	2	892	4
8	Melaka	25	0	38	0	768	4	733	4
9	Johor	155	1	163	0	3,397	12	3,511	10
10	Pahang	39	1	28	0	1,017	3	440	4
11	Terengganu	6	0	6	0	119	0	293	0
12	Kelantan	34	0	30	0	1,483	2	1,346	2
13	Sarawak	17	0	23	0	922	2	556	0
14	Sabah	40	0	41	1	2,115	10	2,018	10
15	WP Labuan	0	0	0	0	4	0	19	0
	MALAYSIA	1,395	4	1,301	1	40,397	68	44,749	71

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 18/2020
(26 April hingga 2 Mei 2020)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	H/Selangor	Apt Kenanga Tbr Bb	105	178
2	SELANGOR	H/Selangor	Apt Teratai Tbr Bb	116	146
3	SELANGOR	H/Langat	Jln Kp 7-10 Tmn Kajang Perdana	28	125
4	SELANGOR	H/Langat	Jln Pahlawan Bdr Mahkota Cheras	63	110
5	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	30	108
6	SELANGOR	Petaling	Sri Pju 1a Pprt B : Blok D,E,F	21	89
7	SELANGOR	H/Selangor	Apt Seri Kembangan Bb	22	86
8	SELANGOR	H/Langat	Jln Bm 6/B Bandar Bukit Mahkota	40	80
9	SELANGOR	Klang	Pangsapuri Palma	19	76
10	SELANGOR	Klang	Kampung Idaman 02	28	74
11	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Tengah	24	71
12	SELANGOR	Petaling	Sek U3 (P/puri Daisy C : Blok 9-13)	12	68
13	SELANGOR	Klang	Taman Millenium Sentosa	18	67
14	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara (Jln Bk 2)	15	66
15	PERAK	Kinta	Kg Chepor Tambahan	19	65
16	SELANGOR	Gombak	Tmn Garing Permai	33	64
17	SELANGOR	H/Selangor	Taman Cempaka	51	58
18	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 (Flat B : Blok 11 - 22)	8	56
19	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	60	56
20	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Puchong	19	55
21	SELANGOR	Klang	Off Jalan Meru Jalan Muda 01	19	54
22	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 4)	6	53
23	PERAK	Kinta	Kg Das Tambahan 2	30	53
24	SELANGOR	Petaling	Sek 11 (Teres A : Jln 11/1 - 11/3)	22	52
25	SELANGOR	Petaling	Sek 23 (Teres A : Jln 23/6 - 23/12)	16	51
26	N SEMBILAN	Seremban	Taman Seremban Jaya Fasa 10	9	51
27	WPKL	Titivangsa	Pa Desa Rejang (Blok G,H,J,K)	15	50

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
28	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 2)	11	49
29	SELANGOR	Klang	Taman Bunga Melor 01	6	48
30	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa Perdana 05	15	48
31	N SEMBILAN	Seremban	Taman Desa Anggerik (Jln. Bbn 9/3)	8	48
32	WPKL	L/Pantai	The Leafz Residence	7	46
33	SELANGOR	Petaling	Sek 18 (Kuarters Guru : Jln 18/7)	13	44
34	WPKL	Titivangsa	Pa Desa Rejang (Blok A,B,C,D)	47	41
35	WPKL	Cheras	Tmn Jaya B (Jln 5,6,7,8 & Lrg 5,6,7,8,9)	5	41
36	SELANGOR	Gombak	Tmn Kuang Raya	8	40
37	SELANGOR	H/Selangor	Lokaliti 3 Bdr Baru Btg Kali	9	39
38	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Bt 10,Jln Kk	25	39
39	MELAKA	M/Tengah	Tmn Tg Minyak Perdana (Jln Zuhail, Jln Cahaya)	44	39
40	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 1 (Jln 1)	6	38
41	SELANGOR	Petaling	Bdr Bkt Puchong Bp 2	15	38
42	SELANGOR	Klang	Kg Jawa Jln Raja Jumaat	8	38
43	N SEMBILAN	Seremban	Taman Bukit Sendayan	9	37
44	PERAK	Kinta	Rpt Chepor	19	36
45	SELANGOR	Sepang	Apt Kekwa	18	35
46	WPKL	Titivangsa	Pangsapuri Atm	33	34
47	SELANGOR	K/Langat	Pangsapuri Impian, Bsp	22	34
48	N SEMBILAN	Seremban	Kuarters Klia Kelompok 1	4	34
49	MELAKA	M/Tengah	Kg Musai	12	34
50	WPKL	Titivangsa	Appt Mawar Sari	14	33
51	SELANGOR	Petaling	Sek 19 (Teres E : Jln 19/24 - 19/31)	21	33
52	PERAK	Kinta	Tmn Klebang Jaya	11	33
53	SELANGOR	Petaling	Sek 28 (Flat B : Blok 2,4,6,8,10,12,14,16,18,20)	5	32
54	SELANGOR	Gombak	Tmn Rawang Perdana Rp 4 Zon B	12	32
55	SELANGOR	Klang	Kpg Rantau Panjang Jln Sg Saim	7	32
56	SELANGOR	H/Langat	Flat Seksyen 2 Bandar Baru Bangi	10	32
57	PERAK	B/Padang	Tmn Bukit Hijau	17	32

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
58	N SEMBILAN	Seremban	Taman Seri Rahang	4	32
59	SELANGOR	H/Langat	Jln Murni Kampung Teras Jernang	10	31
60	SELANGOR	Petaling	Sek 13 (P/puri Servis Sri Acapella)	5	31
61	JOHOR	J/Bharu	Apt Persiaran Tanjung	7	31

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU 18/2020 (2 Mei 2020)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1	Perlis	-	-	-
2	Kedah	Kuala Muda Sik Kota Setar Baling Pendang Yan	3 2 1 1 1 1	9
3	P. Pinang	Barat Daya Timur Laut Seberang Perai Tengah	25 5 1	31
4	Perak	Larut, Matang & Selama Kampar Batang Padang Kuala Kangsar Kinta Manjung Kerian Hulu Perak	109 145 59 14 33 12 1 2	375
5	Selangor	Klang Petaling	1 2	3
6	WPKL & P	Kepong	1	1
7	N. Sembilan	-	-	-
8	Melaka	-	-	-
9	Johor	-	-	-
10	Pahang	Bera	1	1
11	Terengganu	-	-	-
12	Kelantan	Tumpat Bachok Kota Bharu Kuala Krai Tanah Merah	7 5 5 1 1	19
13	Sarawak	-	-	-
14	Sabah	Kota Kinabalu	1	1
15	WP Labuan	-	-	-
JUMLAH KUMULATIF			440	